



SOALAN LAZIM MYINVOIS E-POS (DIKELUARKAN PADA 9 JANUARI 2026)

BAHAGIAN 1: UMUM

1. Apa itu MyInvois e-POS?

MyInvois e-POS ialah platform digital *Point-of-Sale* (POS) yang disediakan khas khususnya untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). MyInvois e-POS ini boleh diakses secara percuma bagi meningkatkan kecekapan operasi perniagaan dan memenuhi keperluan pelaksanaan e-Invois.

2. Siapakah yang layak menggunakan MyInvois e-POS?

Semua jenis perniagaan termasuklah pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat, koperasi dan lain-lain jenis perniagaan adalah layak menggunakan MyInvois e-POS sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Pemilik atau pengarah mestilah warganegara Malaysia;
- ii. Perniagaan beroperasi di Malaysia; dan
- iii. **Pendapatan atau jualan tahunan sehingga RM5 juta.**

3. Apakah aktiviti perniagaan yang sesuai menggunakan MyInvois e-POS?

MyInvois e-POS sesuai digunakan oleh perniagaan yang menjalankan aktiviti penjualan barangan atau perkhidmatan serta memerlukan pengurusan inventori seperti urus niaga jualan barangan runcit, makanan dan minuman, pakaian, barangan kecantikan, barangan elektrik dan elektronik, pembaikan kenderaan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, aktiviti perniagaan yang sesuai menggunakan MyInvois e-POS adalah tidak terhad kepada contoh yang diberikan sahaja.

4. Adakah ejen cukai atau penyedia perkhidmatan atau pihak perantara (*intermediary*) layak menggunakan MyInvois e-POS?

Tidak layak. MyInvois e-POS hanya dibenarkan untuk perniagaan yang menjalankan transaksi secara langsung dengan pelanggan di premis perniagaan.

5. Adakah perniagaan yang telah mempunyai atau menggunakan Sistem POS komersial sedia ada layak untuk menggunakan MyInvois e-POS?

Perniagaan adalah layak untuk menggunakan MyInvois e-POS jika mematuhi syarat-syarat kelayakan yang dinyatakan di dalam Soalan 2.

6. Apakah manfaat kepada perniagaan jika menggunakan MyInvois e-POS?

MyInvois e-POS direka dengan mengintegrasikan fungsi utama operasi perniagaan seperti perekodan jualan, pengurusan inventori, pelaporan kewangan dan sokongan kepada pelaksanaan e-Invois. MyInvois e-POS ini bertujuan untuk mendigitalkan perniagaan dan memudahkan pematuhan percukaian melalui penyimpanan rekod perniagaan yang sistematik. Di samping itu, MyInvois e-POS ini berupaya mengurangkan kebergantungan kepada proses manual, sekali gus meminimumkan risiko kesilapan, menjimatkan masa serta mengoptimumkan kos operasi perniagaan.

BAHAGIAN 2: SKOP DAN FUNGSI

7. Apakah keperluan atau peranti yang diperlukan untuk menggunakan MyInvois e-POS?

Untuk menggunakan MyInvois e-POS, perniagaan wajib menyediakan keperluan minimum iaitu talian internet serta peranti elektronik seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar yang dilengkapi dengan sistem operasi terkini.

8. Adakah perniagaan akan dikenakan caj atau yuran untuk menggunakan MyInvois e-POS?

MyInvois e-POS ini disediakan secara percuma kepada perniagaan yang layak. Walau bagaimanapun, sebarang kos yang melibatkan keperluan minimum bagi mengoperasikan MyInvois e-POS adalah di bawah tanggungan perniagaan.

9. Adakah MyInvois e-POS memerlukan penggunaan peranti sokongan tambahan?

Perniagaan boleh menggunakan peranti sokongan tambahan sebagai pilihan bagi tujuan kegunaan operasi perniagaan seperti mesin pencetak untuk mencetak resit dan mesin pengimbas kod bar produk untuk mengimbas produk jualan.

10. Adakah MyInvois e-POS mempunyai fungsi untuk pengeluaran resit?

MyInvois e-POS menawarkan fungsi pengeluaran resit atau e-Invois bagi merekodkan transaksi penjualan barangan atau perkhidmatan yang diberikan. Resit atau e-Invois tersebut boleh dikeluarkan dalam bentuk bercetak untuk diserahkan secara fizikal kepada pelanggan atau dihantar melalui e-mel.

11. Adakah MyInvois e-POS boleh menjana laporan jualan harian atau bulanan?

MyInvois e-POS menyediakan fungsi penjana laporan jualan yang membolehkan perniagaan memuat turun laporan untuk mana-mana tempoh (contohnya, harian, mingguan, bulanan atau tahunan) mengikut keperluan perniagaan. Laporan ini boleh digunakan untuk tujuan analisis prestasi jualan, pengurusan stok dan perekodan maklumat kewangan perniagaan.

12. Bolehkah perniagaan menggunakan kombinasi mekanisme penghantaran e-Invois melalui Portal MyInvois dan MyInvois e-POS?

Perniagaan boleh memilih untuk menghantar e-Invois melalui mana-mana mekanisme penghantaran yang disediakan, sama ada melalui Portal MyInvois atau MyInvois e-POS mengikut kesesuaian transaksi yang terlibat. Perniagaan adalah bertanggungjawab untuk memastikan tiada pertindihan e-Invois yang dikemukakan kepada HASiL untuk pengesahan.

13. Apakah yang perlu dilakukan oleh perniagaan bagi memastikan penggunaan MyInvois e-POS yang optimum?

Perniagaan disarankan untuk membersihkan *cache* pelayar (*browser*) secara berkala bagi memastikan prestasi optimum dan kelancaran penggunaan MyInvois e-POS (rujuk Lampiran 1 Soalan Lazim ini untuk mengetahui tatacara membersihkan *cache* pelayar). Selain itu, perniagaan juga dinasihatkan menggunakan pelayar versi terkini yang memenuhi spesifikasi bagi mendapatkan paparan yang terbaik.

14. Adakah MyInvois e-POS mempunyai integrasi dengan gerbang pembayaran (contohnya bayaran menggunakan kad kredit, kad debit, perbankan internet dan lain-lain)?

MyInvois e-POS berfungsi untuk merekodkan transaksi jualan tanpa integrasi dengan mana-mana gerbang pembayaran (*payment gateway*). Walau bagaimanapun, perniagaan boleh merekodkan maklumat penerimaan bayaran bagi setiap transaksi jualan mengikut kaedah bayaran yang diterima.

15. Bolehkah pengimbasan Kod QR Pembayar Cukai milik pelanggan digunakan melalui MyInvois e-POS?

MyInvois e-POS menyokong penggunaan Kod QR Pembayar Cukai yang dijana daripada Portal MyInvois bagi memudahkan dan mempercepat perkongsian maklumat pelanggan kepada penjual. Kod QR ini membolehkan maklumat pelanggan seperti Nombor Pengenal Cukai (TIN) dan butiran pelanggan dapat diimbas secara automatik menggunakan peranti pengimbas, sekali gus mengurangkan risiko kesilapan input manual dan meningkatkan kecekapan pemprosesan maklumat bagi tujuan pengeluaran e-Invois.

16. Adakah terdapat had bilangan transaksi harian yang boleh dijalankan di MyInvois e-POS?

Perniagaan boleh menggunakan MyInvois e-POS untuk menjalankan transaksi jualan tanpa sebarang had pada bila-bila masa mengikut keperluan perniagaan masing-masing. MyInvois e-POS ini berfungsi secara berterusan (24 jam) bagi membolehkan perniagaan beroperasi dengan lebih fleksibel.

BAHAGIAN 3: PENDAFTARAN

17. Adakah perniagaan perlu mendaftar untuk menggunakan MyInvois e-POS?

Ya, hanya perniagaan yang memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan (rujuk Soalan 2 soalan lazim ini) boleh mengakses MyInvois e-POS. Sekiranya layak, perniagaan boleh mengemukakan permohonan pendaftaran penggunaan MyInvois e-POS kepada HASiL.

18. Bagaimanakah cara untuk mendaftar bagi menggunakan MyInvois e-POS?

Perniagaan boleh mengemukakan permohonan pendaftaran untuk menggunakan MyInvois e-POS melalui kaunter perkhidmatan di Pejabat HASiL utama yang berhampiran (kecuali Pejabat Satelit dan UTC HASiL). Sebelum kebenaran akses diberikan, pihak HASiL akan menyediakan khidmat nasihat dan bantuan penggunaan, termasuk penerangan mengenai fungsi-fungsi yang tersedia di dalam MyInvois e-POS.

19. Apakah dokumen atau maklumat yang diperlukan untuk mendaftar sebagai pengguna MyInvois e-POS?

Perniagaan dikehendaki mengemukakan maklumat asas berikut untuk semakan dan pendaftaran:

- i. Nama pemilik perniagaan/ syarikat;
- ii. Nombor kad pengenalan;
- iii. Nombor Pengenalan Cukai (TIN);
- iv. Alamat e-mel; dan
- v. Salinan sijil pendaftaran perniagaan (jika ada).

20. Berapa lamakah tempoh yang diperlukan untuk meluluskan pendaftaran akses ke MyInvois e-POS?

Permohonan pendaftaran akan diproses dan kebenaran akses diberikan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas semua dokumen atau maklumat lengkap dikemukakan.

21. Bagaimanakah perniagaan akan dimaklumkan bahawa pendaftaran akses ke MyInvois e-POS telah diluluskan?

Perniagaan akan dimaklumkan melalui e-mel apabila permohonan pendaftaran ke MyInvois e-POS telah diluluskan dan kebenaran akses diberikan. Perniagaan boleh menggunakan maklumat log masuk yang telah ditetapkan untuk mengakses MyInvois e-POS. Sekiranya e-mel tidak diterima, perniagaan dinasihatkan untuk menyemak folder *spam* atau *junk mail* atau menghubungi pihak HASiL melalui saluran perhubungan rasmi yang disediakan.

22. Adakah perniagaan yang mempunyai nombor pendaftaran perniagaan sahaja dibenarkan untuk mendaftar MyInvois e-POS?

Akses ke MyInvois e-POS dibenarkan kepada semua jenis perniagaan yang memenuhi kelayakan dan tidak terhad kepada perniagaan yang mempunyai nombor pendaftaran perniagaan sahaja. Walau bagaimanapun, pemilik perniagaan yang tidak mempunyai nombor pendaftaran perniagaan perlulah mempunyai Nombor Pengenalan Cukai atas namanya sendiri dan mengemas kini profil di dalam Portal MyTax sebelum menggunakan MyInvois e-POS ini.

23. Apakah yang perlu dilakukan selepas pendaftaran diluluskan?

Selepas pendaftaran diluluskan, perniagaan boleh mengakses MyInvois e-POS dan melengkapkan proses pendaftaran serta memastikan semua butiran adalah tepat sebelum mula merekodkan transaksi jualan.

24. Adakah maklumat perniagaan boleh dikemas kini di dalam MyInvois e-POS selepas proses pendaftaran selesai?

Maklumat umum perniagaan (contohnya, alamat, nombor telefon, e-mel, dll.) boleh dikemas kini melalui menu profil perniagaan di dalam MyInvois e-POS selepas proses pendaftaran selesai. Walau bagaimanapun, sebarang kemas kini maklumat khusus seperti perubahan nama atau nombor pendaftaran perniagaan hanya boleh dilakukan oleh pihak HASiL sahaja. Perniagaan dinasihatkan untuk memastikan maklumat perniagaan di dalam rekod HASiL dan MyInvois e-POS adalah maklumat terkini.

25. Bagaimanakah cara untuk menyemak Nombor Pengenalan Cukai?

Carian Nombor Pengenalan Cukai (TIN) boleh dilakukan melalui Portal MyTax dengan memilih menu 'Carian TIN'. Untuk memudahkan pelaksanaan e-Invois, fungsi carian ini juga disediakan di Portal MyInvois bagi membolehkan perniagaan mengakses maklumat TIN dengan lebih mudah.

26. Sekiranya pemilik atau pengarah mempunyai lebih daripada satu (1) jenis perniagaan, adakah e-mel yang sama boleh digunakan untuk mendaftar MyInvois e-POS untuk semua jenis perniagaan tersebut?

Tidak, satu (1) e-mel hanya boleh digunakan untuk pendaftaran bagi sebuah jenis perniagaan sahaja. Pemilik atau pengarah yang mempunyai lebih daripada satu (1) jenis perniagaan (contohnya, perniagaan milikan tunggal dan syarikat; ATAU syarikat dan perkongsian) hanya boleh menggunakan satu (1) alamat e-mel untuk setiap perniagaan bagi tujuan pendaftaran dan penggunaan MyInvois e-POS. Sekiranya pemilik atau pengarah ingin menggunakan MyInvois e-POS untuk perniagaan yang lain, mereka perlu mendaftar dengan menggunakan alamat e-mel yang berbeza bagi setiap jenis perniagaan.

Sebagai maklumat tambahan, pemilik yang mempunyai lebih daripada satu (1) perniagaan milikan tunggal hanya boleh mendaftar MyInvois e-POS untuk satu (1) perniagaan milikan tunggal sahaja.

27. Perniagaan telah mendaftar dan mengaktifkan MyInvois e-POS. Bagaimanakah cara untuk membatalkan atau menutup akaun tersebut sekiranya operasi perniagaan telah ditamatkan atau dibubarkan?

Sekiranya operasi perniagaan telah ditamatkan atau dibubarkan, perniagaan perlu mengemukakan permohonan pembatalan atau penutupan akaun MyInvois e-POS kepada HASiL melalui saluran perhubungan rasmi yang disediakan.

28. Adakah akses kepada MyInvois e-POS akan disekat sekiranya pendapatan atau jualan tahunan perniagaan telah melebihi RM5 juta setahun?

Sekiranya pendapatan atau jualan tahunan perniagaan telah melebihi RM5 juta bagi suatu tempoh perakaunan atau tahun kewangan, perniagaan tidak lagi layak menggunakan MyInvois e-POS yang disediakan secara percuma oleh HASiL. Perniagaan perlu membuat persediaan untuk beralih kepada sistem POS komersial yang ditawarkan di pasaran.

HASiL akan menghubungi perniagaan berkenaan untuk memaklumkan perkara tersebut dan tempoh masa yang mencukupi akan diberikan bagi melaksanakan proses peralihan daripada MyInvois e-POS kepada sistem POS komersial. Sebarang kos yang timbul sepanjang proses peralihan tersebut adalah di bawah tanggungan perniagaan.

Perubahan kepada pendapatan atau jualan tahunan pada tahun-tahun berikutnya tidak akan mengubah status kelayakan yang telah ditetapkan.

29. Adakah akaun MyInvois e-POS yang telah didaftarkan perlu diperbaharui setiap tahun?

Pendaftaran MyInvois e-POS hanya perlu dibuat sekali sahaja. Walau bagaimanapun, 'Client ID' dan 'Client Secret' yang dijana semasa pendaftaran mempunyai tempoh sah tertentu dan perlu diperbaharui sebelum tarikh luput. 'Client ID' dan 'Client Secret' merupakan kod pengenalan rahsia bagi tujuan pengesahan token pengguna dalam integrasi sistem. Perniagaan akan dimaklumkan melalui e-mel berdaftar sebelum tarikh tamat tempoh bagi

mbolehkan pembaharuan dan pengemaskinian maklumat ini dilakukan lebih awal tanpa menjejaskan penghantaran e-Invois kepada HASiL.

30. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya 'Client ID' dan 'Client Secret' yang digunakan telah tamat tempoh?

Perniagaan dikehendaki menjana semula 'Client ID' dan 'Client Secret' yang baharu melalui Portal MyInvois serta mengemas kini maklumat tersebut di menu profil perniagaan di dalam MyInvois e-POS.

31. Apakah kesan sekiranya 'Client ID' dan 'Client Secret' yang telah tamat tempoh masih digunakan?

Sekiranya perniagaan masih menggunakan 'Client ID' dan 'Client Secret' yang telah tamat tempoh, akses ke MyInvois e-POS untuk menjalankan transaksi jualan masih boleh dilakukan. Walau bagaimanapun, penghantaran e-Invois kepada HASiL tidak dapat dilaksanakan sehinggalah perniagaan menjana semula 'Client ID' dan 'Client Secret' yang baharu serta mengemas kini maklumat tersebut di dalam MyInvois e-POS.

BAHAGIAN 4: KESELAMATAN

32. Adakah pemilik perniagaan boleh menetapkan peranan dan had akses bagi setiap pekerja mereka?

MyInvois e-POS menyediakan fungsi pengurusan pengguna yang membolehkan pemilik perniagaan menetapkan peranan serta had akses bagi setiap pekerja, sama ada sebagai Penyelia, Juruwang POS, Akauntan atau Juruaudit. Pemilik perniagaan boleh melantik pekerja serta menentukan peranan dan tahap akses yang sesuai mengikut keperluan operasi dan tanggungjawab masing-masing.

33. Adakah MyInvois e-POS mempunyai fungsi log audit untuk aktiviti pengguna?

MyInvois e-POS menyediakan fungsi log audit yang berperanan merekodkan setiap aktiviti pengguna. Melalui rekod ini, setiap tindakan yang dilakukan dapat dipantau secara terperinci bagi memastikan ketelusan penggunaan serta meningkatkan tahap kawalan keselamatan dalaman perniagaan.

34. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh HASiL bagi melindungi dan memastikan keselamatan dan kerahsiaan maklumat perniagaan dan pelanggan?

HASiL mengamalkan piawaian keselamatan data yang tinggi dalam mengurus data pembayar cukai. HASiL akan memastikan keselamatan data sentiasa terpelihara dengan mematuhi Dasar Keselamatan ICT HASiL serta Surat Pekeliling Am: Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*) dalam Perkhidmatan Awam. Bagi melindungi maklumat daripada capaian tanpa kebenaran, pengubahsuaian, kehilangan atau pendedahan, HASiL akan mematuhi piawaian industri dan melaksanakan langkah keselamatan siber yang bersesuaian, termasuk penyulitan (*encryption*), pengesahan (*authentication*), kawalan akses, peranti keselamatan (*firewall*) serta mekanisme perlindungan lain yang berkaitan.

35. Adakah transaksi jualan tidak dapat dilakukan sekiranya talian internet terganggu atau bermasalah?

MyInvois e-POS mempunyai fungsi luar talian (*offline*) yang membolehkan urus niaga dapat diteruskan seperti biasa walaupun tanpa sambungan internet. Namun, perniagaan perlu log masuk ke MyInvois e-POS dan mengaktifkan kaunter POS terlebih dahulu. Setelah sambungan internet kembali pulih, semua transaksi yang direkodkan di luar talian akan diselaraskan ke dalam MyInvois e-POS secara automatik.

36. Adakah HASiL akan memaklumkan sekiranya berlaku sebarang aktiviti penyelenggaraan ke atas MyInvois e-POS?

HASiL akan memaklumkan kepada perniagaan sekiranya terdapat aktiviti penyelenggaraan yang melibatkan MyInvois e-POS. Pemakluman akan dikeluarkan melalui Laman Mikro MyInvois e-POS sebagai saluran rasmi maklumat.

BAHAGIAN 5: BANTUAN DAN SOKONGAN HASiL

37. Adakah HASiL menyediakan khidmat sokongan individu yang memberikan bantuan teknikal secara langsung di premis perniagaan?

Sekiranya bantuan teknikal diperlukan, perniagaan boleh hadir ke Pejabat HASiL utama yang berhampiran (kecuali Pejabat Satelit dan UTC HASiL) untuk mendapatkan khidmat sokongan teknikal daripada pegawai bertugas. HASiL tidak menyediakan khidmat sokongan individu secara langsung di premis perniagaan. Perniagaan juga boleh menghadiri sesi taklimat berkaitan penggunaan MyInvois e-POS yang dianjurkan oleh HASiL secara percuma yang dimaklumkan di dalam Laman Mikro MyInvois e-POS dari semasa ke semasa.

38. Siapakah yang harus perniagaan hubungi sekiranya terdapat sebarang isu atau pertanyaan berkaitan MyInvois e-POS?

Perniagaan boleh menghubungi HASiL melalui saluran rasmi berikut untuk sebarang pertanyaan dan bantuan:

- Meja Bantuan MyInvois e-POS di talian **03-8680 3767 (EPOS)**, yang beroperasi dari jam 9:00 pagi hingga 6:00 petang pada Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum); atau
- MyInvois e-POS *Live Chat*; atau
- Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois e-POS melalui pautan <https://www.hasil.gov.my/myinvoisepos/hubungi-kami/borang-maklum-balas-pelanggan-myinvois-e-pos>

39. Adakah terdapat sebarang rujukan atau manual pengguna yang disediakan oleh HASiL?

Perniagaan boleh merujuk Panduan Pengguna MyInvois e-POS yang disediakan oleh HASiL. Panduan ini boleh diakses melalui MyInvois e-POS atau melalui Laman Mikro MyInvois e-POS iaitu <https://www.hasil.gov.my/myinvoisepos>

TATACARA MEMBERSIHKAN CACHE MENGIKUT JENIS PELAYAR (*BROWSER*)

GOOGLE CHROME

1. Buka Chrome.
 2. Klik **tiga titik** di kanan atas.
 3. Pilih **Settings** › **Privacy and security**.
 4. Klik **Delete browsing data**.
 5. Tandakan kotak pilihan **Cached images and files**.
 6. Pilih waktu (contoh: **All time**).
 7. Klik **Delete data**.
-

MOZILLA FIREFOX

1. Buka Firefox.
 2. Klik **menu** ☰ di kanan atas.
 3. Pilih **Settings**.
 4. Pergi ke **Privacy & Security**.
 5. Di bahagian **Cookies and Site Data**, klik **Clear Data**.
 6. Tandakan kotak pilihan **Cached Web Content**.
 7. Klik **Clear**.
-

MICROSOFT EDGE

1. Buka Edge.
 2. Klik **tiga titik** di kanan atas.
 3. Pilih **Settings** › **Privacy, search, and services**.
 4. Di bahagian **Clear browsing data**, klik **Choose what to clear**.
 5. Tandakan kotak pilihan **Cached images and files**.
 6. Klik **Clear now**.
-

SAFARI (MAC)

1. Buka Safari.
2. Klik **Safari** di menu bar atas.
3. Pilih **Preferences** › **Advanced**.
4. Aktifkan **Show Develop menu in menu bar**.
5. Di menu bar, klik **Develop**.
6. Pilih **Empty Caches**.